


KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (*Construction Industry Development Board (CIDB)*) di dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut di bawah.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas syarikat adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Kod Bidang	Tarikh Pelawaan Sebut harga	Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh Akhir Penghantaran Dokumen
1.	SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMBINAAN BUMBUNG GARAJ DI PARKIR BANGUNAN AKADEMIK (A, B & C), AUDITORIUM DAN KUARTERS (SRI PERMAI & SRI PERMATA) DI INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) BEHRANG, TANJONG MALIM, PERAK SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN No. Sebut harga INSTUN: SHK01/2026	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) iaitu Gred G2 Kategori B (Bangunan) Pengkhususan: 1. B04 (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan) 2. B15 (Pemasangan Bumbung) 3. B18 (Kerja-kerja Logam) 4. B14 (Kerja-kerja Cat) Kategori C (Kejuruteraan Awam) Pengkhususan: 1. CE01 (Pembinaan Jalan dan Pavmen) 2. CE42 (Mengecat Jalan)	9 April 2026 (Khamis)	Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada: Tarikh: 14 April 2026 (Selasa) Masa: 10.00 pagi Tempat: Dewan Kuliah Utama (DKU), Blok Akademik C, INSTUN. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi: i) Encik Shahful Aisham bin Ramly (Seksyen Pentadbiran) Emel: aisham@instun.gov.my No.Tel: 05- 4487000 samb. 7021 atau; ii) Puan Norazila binti Hamdi (Seksyen Kewangan) Emel: norazila@instun.gov.my No.Tel: 05-4487000 samb. 7064	23 April 2026 (Khamis) sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari di Seksyen Kewangan, Aras 5, Wisma INSTUN, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, 35950 Behrang Ulu, Tanjong Malim, Perak.

3. Dokumen Sebut harga akan diberikan kepada syarikat yang hadir semasa lawatan tapak. Lawatan tapak adalah diwajibkan. Hanya Pegawai/Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri lawatan tapak/premis dan sesi taklimat sebut harga. Syarikat tidak boleh mewakili pegawai lain.
4. Penyebut harga hendaklah menyediakan cadangan tawaran yang mengandungi maklumat yang lengkap dan jelas.
5. Borang permohonan yang telah lengkap diisi, dokumen sokongan dan cadangan tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan ditulis tajuk dan nombor sebut harga serta dihantar ke alamat seperti di atas.
6. Institut ini tidak terikat untuk menerima sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.



.....
(WAN NADIRAH BINTI WAN YAHEYA @ W YAHYA)

Pendaftar INSTUN

Tarikh: 8 April 2026